

03/07/1998

PM lancar sidang pentadbiran korporat 7 Julai

KUALA LUMPUR, Khamis - Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, akan melancarkan Persidangan Antarabangsa Mengenai Pentadbiran Korporat pada 7 Julai ini.

Pendaftar Syarikat, Datuk Ramly Ali, berkata seminar yang bertema Pentadbiran Korporat - Tanggungjawab, Risiko dan Reformasi itu diadakan sempena sambutan perayaan 100 tahun Pejabat Pendaftar Syarikat (ROC), tahun ini.

Ini berdasarkan rekod penubuhan syarikat yang pertama di negara ini iaitu The Kuala Kangsar Rubber Plantation Ltd yang diperbadankan pada 29 Mac 1898.

Beliau berharap, seminar dua hari itu akan menjadi platform bagi membincangkan pelbagai isu utama peringkat kebangsaan dan antarabangsa mengenai pentadbiran korporat.

Bagi menjayakan seminar itu, Bekas Hakim Mahkamah Agung, Afrika Selatan, Mervyn E King, dijemput menyampaikan ucapan utama selepas majlis pelancaran.

(END)